

Pelancaran Rukun Murid SMK Pantai 2025



Labuan, 17 Februari 2025 – SMK Pantai telah melancarkan satu inisiatif baharu yang dinamakan **Rukun Murid**, hasil cetusan idea pengetua sekolah, Encik Ismail bin Abdullah, sebagai langkah meningkatkan tingkah laku dan adab murid. Majlis pelancaran berlangsung di dewan sekolah, dihadiri oleh murid-murid dan guru-guru.

Rukun Murid ini merangkumi lapan prinsip utama yang menjadi panduan setiap murid:

1. Menjunjung Rukun Negara
2. Memelihara Adab
3. Memuliakan Guru
4. Membudayakan Ilmu
5. Mengamalkan Kebersihan
6. Mengusahakan Kejayaan
7. Menjaga Harta Benda
8. Menzahirkan Kebanggaan

Encik Ismail berkata, “Rukun Murid ini terhasil daripada

usaha meningkatkan martabat tingkah laku murid semasa cuti sekolah. Ia bertujuan membentuk budaya sekolah yang lebih harmoni dan membantu murid memiliki nilai-nilai yang baik dalam diri mereka."

Bagi memastikan keberkesanan inisiatif ini, pelbagai aktiviti seperti kuiz dan pertandingan melukis poster akan diadakan secara berkala untuk menguji kefahaman dan kepatuhan murid terhadap Rukun Murid.

Pengetua turut mengingatkan murid beragama Islam untuk melafazkan zikir sebanyak 10 kali sebaik sahaja memasuki kawasan sekolah dan berusaha mencapai 100 kali sebelum tamat waktu persekolahan.

Dengan pelaksanaan Rukun Murid, SMK Pantai berharap dapat melahirkan murid yang memiliki peribadi unggul, berprinsip, dan bermoral. Inisiatif ini dijangka menjadi platform kukuh untuk membentuk generasi yang cemerlang dari segi akademik serta nilai karakter.

Langkah ini mencerminkan usaha gigih SMK Pantai dalam memupuk pendidikan karakter sebagai asas kecemerlangan. Tahniah kepada semua warga sekolah atas kejayaan pelancaran Rukun Murid!







KEPADА MURID-MURID BERAGAMA ISLAM

Sebaik sahaja masuk kawasan sekolah,
bacalah zikir :

سُبْحَانَ اللَّهِ
SUBHANALLAH

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
WALHAMDULILLAH

وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
WALA ILA HA ILLALLAH

وَاللَّهُ أَكْبَرُ
WALLAHU AKBAR

Baca sekurang-kurangnya 10 kali
dan cuba capai
100 kali sepanjang hari
sebelum balik.

"Lazimkan membaca
Subhanallah, Walhamdulillah
Wala Ilaha Illallah, Wallahu Akbar,
kerana semua itu dapat
menghapuskan dosa sebagaimana
gugurnya daun dari pohon".
(Hadis Riwayat Ibnu Majah)